

Gaji minimum tingkat mutu kerja

Situasi 'menang-menang' antara majikan, pekerja perlu wujud

Berita Harian 07/04/2010

lahnya sudah menjangkau 2.2 juta orang.

Kepulauan mereka juga dapat mengurangkan kadar jenayah dan masalah sosial di negara ini. Keselamatan negara juga lebih terjamin. Dasar ini juga akan menarik pekerja tempatan untuk mengisi jawatan kosong di syarikat dan di kilang. Soal faktor kerja yang tidak menarik tidak menjadi persoalan.

Pengamal sumber manusia haruslah bersikap kreatif dan berinovatif untuk menilai, menstruktur dan menambah nilai sesuatu jenis pekerjaan supaya lebih memberi tambah nilai dan bermakna kepada pekerja itu sendiri dan majikannya. Ini akan mengurangkan kadar pengangguran peringkat kebangsaan yang sekarang ini adalah sebanyak 3.6 peratus.

Selanjutnya, dasar ini akan menjadi pemangkin kepada kewujudan sebuah masyarakat Malaysia yang berilmu, berkemahiran, berinovasi, kreatif dan berdaya saing. Bagi mengisi jawatan memerlukan kemahiran dan pengetahuan khusus di syarikat yang menggunakan teknologi moden, mereka akan memilih kursus dikehendaki majikan saja apabila melanjutkan pengajian di pusat pengajian tinggi.

La secara langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah. Selain itu, dasar ini amat kena pada masanya kerana kos sara hidup semakin meningkat. Harga barangan dan perkhidmatan semakin naik. Bagaimanakah satu-satu keluarga itu mampu meneruskan kehidupan yang selesa apabila pendapatan isi rumah semakin rendah?

“
M/S 16
Dasar gaji
minimum ini

dapat memberi impak positif kepada ekonomi, sosial dan keselamatan negara pada jangka waktu panjang.

Pelaksanaan dasar ini akan menjadi pemangkin kepada sektor perindustrian, terutama PKS dan sektor perkilangan untuk mengorak langkah gunakan kaedah automasi pemprosesan produk serta perkhidmatan”

“
Dasar ini menjadi pemangkin kepada kewujudan sebuah masyarakat Malaysia yang berilmu, berkemahiran, berinovasi, kreatif dan berdaya saing”

Oleh Lee Fook On
rencanabh@bharian.com.my

SEJAJAR dengan Model Ekonomi Baru (MEB), kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sedang merangka satu dasar gaji minimum kebangsaan dan strategi untuk merealisasikannya. Langkah kerajaan ini amat wajar dan kena pada waktunya.

Ini satu lagi bukti yang menunjukkan kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Najib Razak amat prihatin kepada kesejahteraan rakyat dan berpandangan jauh. Gaji minimum bermaksud gaji yang diberikan majikan pada tahap minimum tanpa mengambil kira faktor seperti sektor ekonomi, jantina, kelulusan dan sebagainya.

Pertama kali diperkenalkan di Australia dan New Zealand sekitar awal 1900-an, undang-undang gaji minimum kini ada di lebih 90 peratus negara di seluruh dunia. Dasar ini bukan saja ada di negara maju, malah turut dilaksanakan di negara dunia ketiga seperti Sri Lanka.

Dasar gaji minimum ini dapat memberi impak positif kepada ekonomi, sosial dan keselamatan negara pada jangka waktu panjang. Pelaksanaan dasar ini akan menjadi pemangkin kepada sektor perindustrian, terutama industri kecil dan sederhana (PKS) dan sektor perkilangan di negara ini untuk mengorak langkah menggunakan kaedah automasi aktiviti pemprosesan produk serta perkhidmatan mereka.

Ini sekali gus mengurangkan keber-

gantungan kepada pekerja tidak ber-kemahiran. Ia juga menjadikan kos pengeluaran produk dan perkhidmatan mereka lebih murah, kualiti lebih baik dan konsisten. Ini seterusnya dapat menambahkan daya saing produk dan perkhidmatan mereka di pasaran antara-bangsa.

Ia secara langsung dapat memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Untuk masa depan yang lebih cerah dan supaya tidak diberhentikan kerja kerana majikan ingin mengurangkan kos operasi, pekerja akan berusaha memperbaiki diri sendiri dengan bekerja keras untuk meningkatkan produktiviti dan memberi nilai tambah dalam perkhidmatan mereka.

Ini bagi memastikan syarikat tempat mereka bekerja dapat bersaing dan menjana keuntungan yang berpatutan. Dasar ini juga akan menjadi faktor dorongan kepada syarikat dan pengilang untuk menghantar pekerjaanya menjalini latihan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan dan kehendak pekerjaannya.

Ini akan menjadikan mereka lebih berupaya menambah nilai dan lebih produktif sesuai dengan jumlah gaji yang diberikan. Seterusnya, dasar ini dapat memastikan hanya syarikat yang menggunakan teknologi moden, maju, mesra alam dan mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti beroperasi di negara ini.

Sebaliknya, syarikat yang berintensifkan buruh yang banyak dan murah serta menggunakan teknologi lama akan berfikir dua kali sebelum melabur di negara ini. Ia secara langsung dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing sah yang jum-

lah mah begitu rendah?

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam, berkata ada pekerja yang masih menerima gaji kurang RM750 sebulan. Katanya, satu kajian dilakukan Jabatan Perhubungan Industri ke atas 308 sampel Perjanjian Kolektif antara majikan dan pekerja pada 2007 mendapati purata gaji minimum untuk staf perkeranian ialah RM485, juruteknik (RM690) dan pekerja am (RM477) sebulan.

Katanya, kajian dilakukan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) mendapati pekerja yang tidak berkemahiran, pekerja am dan pekerja am dalam sektor elektrik dan elektronik menerima gaji sebanyak RM443 sebulan.

Justeru, permintaan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya sektor swasta menetapkan gaji minimum sebanyak RM900 dan elaun sara hidup (Cola) RM300 sebulan wajar diberikan perhatian.

Penetapan gaji minimum dapat membantu golongan berpendapatan rendah

yang mewakili 40 peratus daripada tenaga kerja negara ini menerima gaji yang lebih baik. Ini sekali gus membebaskan mereka daripada belunggu kemiskinan.

Setiausaha Agung MTUC, G Rajasekaran, berkata kerajaan sudah pun menetapkan gaji minimum kepada 1.2 juta kakitangan awam, maka adalah wajar untuk pihak swasta mencontohnya.

Bagaimanapun, gaji minimum dalam sektor swasta haruslah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut kesesuaian dan kesediaan majikan. Ini dapat memberi masa yang cukup kepada pihak swasta untuk mengatur langkah dan strategi bagi memastikan situasi 'menang-menang' antara pihak majikan, pekerja dan kerajaan dapat diwujudkan.

Penulis berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan (MBA) Universiti Malaya mempunyai 15 tahun pengalaman sebagai pengamal sumber manusia